

08/05/2000

Gelagat G7 Umno pertaruhkan masa depan parti

Kadir Dikoh

G7 atau Kumpulan Tujuh secara rasmi merujuk kepada tujuh negara maju - Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Jerman, Kanada, Itali dan Jepun. Saban tahun, negara-negara ini bermesyuarat dan membuat keputusan yang kadangkala lebih memihak untuk kepentingan mereka. Ada kalanya keputusan mereka mengerunkan negara membangun seperti Malaysia atau sesetengah negara miskin di Afrika. Mereka boleh mencorakkan dunia kerana di kalangan mereka, ada yang bertindak sebagai polis dunia, kuasa ekonomi sejagat, pakar teknologi sejagat atau pengimbang kuasa nuklear.

Kini, gelaran 'G7' tiba-tiba popular menjelang Perhimpunan Agung Umno. 'G7', merujuk kepada tujuh daripada 12 perwakilan yang dipilih oleh setiap bahagian Umno untuk menghadiri Perhimpunan Agung Umno bermula Rabu ini. Lima yang lain iaitu ketua, timbalan dan naib ketua bahagian, serta ketua Pemuda dan Wanita, menjadi perwakilan secara automatik.

Mungkin ada persamaan tertentu antara kumpulan tujuh negara maju dengan 'G7' Umno. Tujuh negara maju itu ada kuasa dan kekayaan tetapi kuasa yang ada pada 'G7' Umno ialah undi dalam pemilihan parti. Sebahagian besar mereka bukan daripada golongan kaya atau jutawan. Pada masa lalu mereka cuba disogok untuk memberi undi kepada calon-calon tertentu. Mereka sedikit sebanyak tidak boleh lari daripada tanggungjawab menjurus Umno terhadap dakwaan berlakunya gejala politik wang.

Tidak ada kuasa lain di dunia yang boleh menyekat kemahuan kumpulan tujuh negara maju jika mereka mahu membuat sesuatu untuk kepentingan mereka tetapi kuasa 'G7' Umno ada hadnya kerana ada orang lain yang lebih berkuasa. Malah kuasa mengundi 'G7' Umno bersifat sementara kerana tersilap langkah peluang untuk menjadi perwakilan pada masa akan datang, mungkin hilang.

Bagi masyarakat umum, gelaran 'G7' dalam Umno mungkin agak asing dan sesetengahnya hanya mengetahui mengenai perkara itu apabila didedahkan sendiri oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Khamis lalu.

Orang ramai agak terkejut apabila Perdana Menteri tiba-tiba meminta perwakilan Umno terutama di kalangan 'G7' yang masih berkeliaran di ibu negara supaya pulang ke negeri masing-masing. Ada yang bertanya, kalau jumlahnya cuma setakat kurang daripada 100 orang, tidak mungkin Dr Mahathir membuat seruan seumpama itu. Maknanya, jumlah mereka agak ramai, malah sumber ibu pejabat Umno menganggarkan jumlah mereka melebihi 700 orang.

Namun, di kalangan calon naib presiden dan MT, kehadiran mereka sudah dirasai sejak mesyuarat perwakilan bahagian bermula awal Mac lalu. Malah, satu ketika pada penghujung mesyuarat Umno bahagian di seluruh negara berakhir awal bulan lalu, kira-kira 600 perwakilan dikatakan sudah berada di Kuala Lumpur. Mereka menemui calon yang sudah dikenal pasti dan meminta sesuatu untuk kumpulan mereka.

Tidak hairan apabila Dr Mahathir pada sidang akhbar itu memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka jika didapati terbabit dalam apa-apa kegiatan yang tidak disenangi, khususnya meminta sesuatu daripada calon dalam usaha memerangi politik wang. "Kita berpendapat perwakilan yang dikenali G7 harus balik ke negeri masing-masing dan tidak harus berada di Kuala Lumpur. Saya dimaklumkan bahawa masih ramai perwakilan berada di hotel-hotel. Saya nasihatkan mereka balik dan hanya datang semula menjelang perhimpunan," kata Dr Mahathir.

Sejak itu, tidak ada lagi kelihatan perwakilan di hotel yang kebanyakannya bertaraf empat bintang termasuk di pinggir ibu negara. "Tiada lagi kumpulan dalam Umno duduk minum teh atau makan malam di restoran. Mereka mula takut apabila mendengar berita bahawa ibu pejabat Umno menghantar perisik untuk memantau keadaan di setiap hotel sejak Jumaat lalu. Malah, ada yang menukar pendaftaran nama di hotel supaya tidak boleh dikesan sebelum balik ke tempat masing-masing," kata satu sumber.

Pemerhati berpendapat, kegiatan itu sebenarnya bukan baru, malah sentiasa wujud setiap kali perhimpunan terutama apabila Umno mengadakan pemilihan. Apa yang paling teruk, katanya, ialah pada pemilihan 1993 yang bukan saja membabitkan pertemuan secara berterusan antara perwakilan dan calon di restoran atau lobi hotel, malah dalam bilik apabila sampul surat berisi wang bertukar tangan.

Katanya, Dr Mahathir memang sejak menjadi Timbalan Presiden Umno lagi sudah membangkitkan isu mengenai politik wang, malah saban tahun mengingatkan supaya amalan tidak sihat itu dijauhi.

"Perdana Menteri agaknya sudah serik dan kali ini menggunakan pendekatan yang lebih praktikal. Bulan lalu, Dr Mahathir mengumumkan beliau akan menyentuh mengenai isu politik wang dalam ucapan dasarnya pada perhimpunan kali ini yang jarang diberitahu lebih awal sebelum ini. Beliau juga mahu mendedah nama calon yang menggunakan wang untuk berkempen. Khamis lalu, beliau memberi amaran untuk bertindak jika ada perwakilan terutama G7 yang terbabit dalam kegiatan tidak diingini. Mesej itu amat jelas bahawa ahli Umno perlu menyingkirkan pemimpin yang menggunakan wang untuk naik," katanya.

Malah perakuan bertulis 15 calon yang bertanding jawatan naib presiden dan jawatan kanan dalam Pemuda serta Wanita untuk menghentikan segala bentuk kempen, dilihat sebagai menyahut seruan Dr Mahathir bagi membanteras politik wang. Seorang calon jawatan MT berkata, pernah perwakilan G7 datang ke rumahnya pada suatu malam memintanya membayar bil hotel yang sudah melebihi RM1,000 termasuk bayaran makan di restoran "tetapi dua tiga hari kemudian, rakan saya yang turut bertanding jawatan MT menceritakan orang yang sama memintanya menyelesaikan bil hotel."

Seorang lagi calon menceritakan pernah dihubungi oleh perwakilan. "Pada mulanya, mereka begitu bersemangat bercerita mengenai masa depan Umno, kriteria pemimpin yang harus dipilih dan cara menyakinkan kembali generasi muda kepada perjuangan Umno. Namun, pada akhir pertemuan, mereka dengan penuh sopan meminta wang minyak dan bayaran tol kerana datang dari jauh dengan berjanji akan membalas budi saya pada hari pemilihan sebenar 11 Mei," katanya.

Tanpa pengawasan yang berkesan, sikap segelintir perwakilan yang bermatlamat menghalalkan cara, dikhuatiri akan menyemai budaya tidak sihat di kalangan generasi muda dalam Umno. "Perwakilan dalam hal ini pula tidak seharusnya dipersalahkan sepenuhnya kerana orang yang menyemai bibit politik wang sebelum ini adalah calon sendiri. Perwakilan perlu dididik untuk menolak politik wang," kata seorang pensyarah sains politik di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan.

Katanya, jika amalan rasuah dan politik wang dalam Umno tidak dibendung, masa depan Umno akan terancam. "Kita tidak mahu wang menguasai diri seseorang sehingga terpengaruh untuk melakukan sesuatu di luar kemahuan sendiri. Jika mata sudah diabui dengan wang ringgit, undi yang dipangkah sudah tidak membawa makna, malah melambai bencana. Undilah calon berdasarkan kebolehan mereka, bukan mengukurnya dari segi kemampuan kewangan," katanya.

Namun, ada dua konsep yang perlu dibezakan - politik wang dan wang politik. Apa yang tidak dikehendaki ialah politik wang, iaitu apabila

seseorang mengusahakan supaya pengundi memangkahnya tanpa melihat ketokohnya yang sebenar. Tetapi wang politik ialah apabila memberi belanja untuk makan, minum, tempat tinggal ketika perjalanan mesyuarat cawangan, bahagian dan perhimpunan agung. Kumpulan pemantau Umno, jika ada, perlu membongkar segala tindak-tanduk bukan saja perwakilan, malah calon. Kumpulan ini perlu bekerja keras bagi memberi maklum balas kepada MT dan Presiden parti.

Menjelang perhimpunan beberapa hari lagi, kedengaran penyakit lama menjelma semula iaitu pengedaran surat layang untuk mencaci serta menyerang keperibadian calon setelah kempen dihadkan. Walaupun pengedaran surat layang belum sampai ke tahap yang membimbangkan, ia adalah satu lagi gejala yang perlu dibendung dalam kempen senyap calon. Ini kerana surat layang menceritakan keburukan orang tertentu semata-mata yang sukar dibezakan kebenaran dan kepalsuannya.

Sesungguhnya perwakilan perlu bijak menggunakan hak demokrasi mereka dalam Umno tanpa dipengaruhi oleh politik wang dan serangan peribadi seseorang calon. Perwakilan harus memikirkan masa depan Umno kerana pemilihan kali ini amat penting terutama bagi jawatan naib presiden. Biarlah calon dipilih berdasarkan kewibawaan mereka untuk memikul tanggungjawab bagi membantu presiden dan timbalan presiden dalam mengembalikan keutuhan parti.